

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

HMT 327 – Wacana dan Pragmatik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA [5]** soalan di dalam **ENAM [6]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan. Soalan nombor 1 dan 2 **WAJIB** dijawab. Jawab mana-mana **DUA [2]** soalan yang lain.

Tulis nombor 1 hingga 5 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

BAHAGIAN A: Soalan wajib dijawab.

1. Soalan [a], [b], [c] dan [d] menggunakan wacana di dalam Data 1 yang berikut:

DATA 1

Sungai yang mengalir di negara-negara tropika dipenuhi ikan dan tumbuh-tumbuhan. Di sungai-sungai tropika terdapat banyak pemangsa yang sentiasa menanti mangsanya di dalam air. Untuk membunuh mangsanya, belut elektrik dan ikan keli elektrik mengenakan kejutan elektrik. Ikan piranha pula sangat garang dan akan menyerang apa-apa sahaja yang berenang di dalam air. Pemangsa lain pula menunggu mangsanya di tebing sungai yang berlumpur. Burung darter menangkap ikan dengan paruhnya yang tajam. Penyu mamatura bersembunyi di dalam air yang berlumpur dan kelihatan seperti suatu bonggol atau kayu mati. Jika ada ikan yang berenang berhampirannya, penyu ini akan segera menangkapnya.

Sumber: Sungai, (1990), 16-17.

- [a] Kenal pasti peranti kohesi perujukan di dalam wacana di atas. Sebutkan juga perujuk, yang dirujuk dan jenis rujukannya. [16 markah].
- [b] Apakah jenis hubungan antara:
- [i] sungai-sungai tropika di dalam Ayat 2 dengan sungai yang mengalir di negara-negara tropika di dalam Ayat 1? [3 markah]
- [ii] apa-apa sahaja yang berenang di dalam ayat 4 dengan ikan di dalam ayat 1? [3 markah]
- [c] Apakah perkaitan yang wujud antara semua ayat di dalam wacana di atas sehingga anda dapat memastikan bahawa wacana ini koheren? [2 markah]
- [d] Berdasarkan [c] kenal pasti jenis teks wacana di atas. [1 markah].

2. Jawab soalan [a] dan [b].

- [a] Berdasarkan Data 2A [i], [ii], [iii], [iv], [v], [vi], dan [vii] tentukan sama ada ayat (Y) merupakan ayat takbiran/takwilan kepada ayat (X). Kemudian terbalikkan proses ini dan teliti sama ada ayat (X), boleh menjadi ayat takbiran kepada (Y)? Apakah kesimpulan anda? [15 markah]

DATA 2A

- [i] X: Aminah melihat seekor kancil.
Y: Aminah melihat seekor haiwan.
- [ii] X: Air itu sejuk.
Y: Air itu tidak panas.
- [iii] X: Ibu menanam ros di halaman rumah kami.
Y: Ibu menanam bunga di halaman rumah kami.
- [iv] X: Ibu berdiri di depan bapa.
Y: Bapa berdiri di belakang ibu.

- [v] X: Dia menonton konsert Ella di stadium negara semalam.
Y: Dia menyaksikan konsert Ella di stadium negara semalam.
- [vi] X: Adik meminum air sirap itu sebelum berkumur.
Y: Adik berkumur selepas meminum air sirap itu.
- [vii] X: Abu menetap satu tingkat di atas rumah Aminah di rumah pangsa berkenaan.
Y: Aminah menetap satu tingkat di bawah rumah Abu di rumah pangsa berkenaan.

- [b] Berdasarkan Data 2B [i], [ii] dan [iii], kemukakan cara ayat takbiran boleh digunakan untuk menganalisis makna pragmatik di dalam perbualan berikut.

[10 markah]

DATA 2B

- [i] A: Macam mana mak baru?
B: Perempuan lah, bini bapak aku!
- [ii] A: Hei, itu kan sepupu engkau?
B: Oh, buaya darat tu?
- [iii] A: Oh rupanya inilah bangunan berkembar Petronas tu ya.
B: Habis engkau ingat itu pokok pisang kah?

BAHAGIAN B: Jawab **DUA [2]** soalan:

3. Soalan [a] dan [b] menggunakan wacana iklan di dalam Data 3 yang berikut.

DATA 3

La' Brazilian BEAUTY HOUSE
(Pusat Perawatan Herba)

Kini... Kepala Anda Boleh Ditumbuhi Rambut Baru!
Kejayaan terbukti sejak 1989

Sebelum  **Selepas** 

"Produk La Brazilian berkesan! Ia merupakan pendekatan realistik untuk penumbuhan rambut. Kepuasan terjamin!"

RAWATAN RAMBUT GUGUR
Terapi rambut gugur untuk rambut yang semakin nipis atau botak serta botak bertompok 'male pattern baldness'

Untuk konsultasi percuma, sila hubungi Hotline kami
03-2693 4510

Layari Laman Web kami : www.la-brazilian.com
untuk maklumat lanjut.

DIBUKA: ISNIN - SABTU (10 pagi - 7.30 petang)
* Tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan)

Sumber: *Harian METRO*, (22 Julai 2002), 9.

- [a] Tunjukkan cara pendekatan analisis lakuan bahasa dapat membantu anda menginterpretasi wacana di dalam Data 3 di atas.

[15 markah]

- [b] Berdasarkan jawapan di dalam (a), hasilkan sebuah wacana yang kohesi dan koheren.

[10 markah]

4. Jawab soalan [a] dan [b].

[a] Apakah yang anda fahami dengan maksim pertuturan dan melanggar maksim pertuturan?

[13 markah]

[b] Berdasarkan Data 4 [i], [ii], [iii] dan [iv] yang berikut tentukan maksim pertuturan yang telah dilanggar dan implikatur anda terhadap perbualan tersebut.

[12 markah]

DATA 4

[i] X: Ceti cari engkaulah!
Y: Mampus aku kali ini!

[ii] X: Esei engkau dah selesaikah?
Y: Mak aku datang dari kampung.

[iii] X: Boleh saya tumpang bertanya?
Y: Boleh, tumpanglah.

[iv] X: Engkau berasal dari mana?
Y: Saya berasal dari Kampung Baru, Daerah Padang Terap, Sungai Kerian, Perak Darulridzuan.

5. Soalan [a] dan [b] menggunakan wacana perbualan di dalam Data 5 yang berikut:

DATA 5

A: Hijau, merah pakcik?

B: Hijau.

A: Berapa?

B: Sini lime ringget, botol due ringget.

A: Botol ni buat ape?

B: Ini minum, dia pun nak minum jugak. Dia pun nak.

A: Tangki pakcik boco ke?

B: Kadang-kadang tu mase nak pegi ke ladang ade separuh lagi, taim nak balik dah tinggal sikit.

A: Boco la tu!

Sumber: ***Amalan berkomunikasi dalam masyarakat bahasa***, (1998), 297.

- [a] Gunakan pendekatan etnografi pertuturan Hymes (1964) dengan akronim *S.P.E.A.K.I.N.G.* untuk menganalisis peristiwa bahasa di dalam Data 5 di atas.
[15 markah]
- [b] Berdasarkan jawapan di dalam [a], interpretasikan data di atas.
[10 markah]

-- oo000oo --